



CIRCULAR ON PERMITTED MARINE, AVIATION AND TRANSIT (MAT) INSURANCE BUSINESS

- 1.0 Labuan FSA wishes to inform that Bank Negara Malaysia (BNM) has gazetted its MAT Regulations which allow Labuan insurers and insurance brokers to participate in the MAT insurance business in Malaysia:
- (i) Labuan insurers are permitted to **underwrite MAT insurance business in Malaysia**, subject to the approval and conditions provided under the Financial Services (Approved Marine, Aviation and Transit Insurers) Regulation 2017; and
 - (ii) Labuan insurance brokers are permitted to **broke for MAT insurance in Malaysia**, subject to approval and conditions provided under the Financial Services (Approved Marine, Aviation and Transit Insurance Broker) Regulation 2017.
- 2.0 To effect this new policy, Labuan FSA has obtained the approval from the Minister of Finance (MOF) to exempt Labuan insurers and Labuan insurance brokers from the application of subsection 113(1) and subsection 114(3) of Labuan Financial Services and Securities Act 2010 (LFSSA), respectively, for dealings in domestic insurance business. In this regard, this circular also serves as a blanket approval by Labuan FSA for all Labuan insurers and insurance brokers to undertake the MAT insurance in Malaysia. The MAT Regulations 2017 are attached for your reference.
- 3.0 Notwithstanding this, Labuan insurers or insurance brokers that wish to undertake such MAT insurance business must obtain the necessary **approval from BNM and to comply with any approval conditions prior** to commencing such business activities.

For any clarification on the circular, you may contact Ms. Sun Pui Man at 087-591224 (email: sunpm@labuanfsa.gov.my), Mr. Billy Gumbang at 087-591331 (email: billy@labuanfsa.gov.my) or Ms. Erni Marlina Madzlan at 087-591203 (email: erni@labuanfsa.gov.my).

Labuan Financial Services Authority

13 October 2017

*Circular No
207/2017/ALTC/LIIA*

CC: Association of Labuan Trust Companies (ALTC)
Labuan International Insurance Association (LIIA)



6 April 2017
6 April 2017
P.U. (A) 111

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENANGGUNG INSURANS MARIN, PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN) 2017

FINANCIAL SERVICES (APPROVED MARINE, AVIATION AND TRANSIT INSURERS) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENANGGUNG INSURANS
MARIN, PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN) 2017

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Perniagaan insurans MAT di bawah Peraturan-Peraturan
4. Kelulusan oleh Bank
5. Syarat kelulusan tambahan
6. Pembatalan kelulusan
7. Pemberhentian perniagaan secara sukarela
8. Kesan pembatalan atau pemberhentian
9. Fi tahunan
10. Pendedahan oleh penanggung insurans MAT yang diluluskan
11. Perubahan yang memberi kesan terhadap kawalan
12. Pemindahan perniagaan insurans MAT
13. Pengemukaan diri sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan
14. Sekatan penggunaan perkataan “penanggung insurans MAT yang diluluskan”
15. Kuasa Bank untuk mengeluarkan arahan
16. Kewajipan untuk mengemukakan dokumen atau maklumat kepada Bank
17. Penyata dan audit

JADUAL

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENANGGUNG INSURANS MARIN, PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 260(2) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat Peraturan-Peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Penanggung Insurans Marin, Penerbangan dan Transit yang Diluluskan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 7 April 2017.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“insurans MAT” ertinya risiko insurans yang berhubungan dengan—

(a) perkapalan maritim, penerbangan perdagangan, pelancaran dan pengangkutan angkasa (termasuk satelit), yang melindungi mana-mana atau kesemua yang berikut—

(i) barang-barang yang sedang diangkut; dan

(ii) kenderaan yang mengangkut barang-barang tersebut, dan apa-apa liabiliti yang berbangkit daripadanya; dan

(b) barang-barang dalam transit antarabangsa,

tetapi tidak termasuk insurans semula risiko tersebut;

“Malaysia” tidak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan;

“negara yang ditetapkan” ertinya sebuah negara atau wilayah yang dinyatakan dalam Jadual;

“penanggung insurans Labuan” mempunyai pengertian yang sama diberikan kepadanya dalam seksyen 101 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*];

“penanggung insurans MAT yang diluluskan” ertinya seorang penanggung insurans yang ditetapkan atau penanggung insurans Labuan yang diluluskan di bawah perenggan 4(2)(a);

“penanggung insurans yang ditetapkan” ertinya mana-mana orang yang dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya di bawah undang-undang mana-mana negara yang ditetapkan untuk menjalankan perniagaan insurans di negara tersebut;

“pihak berkuasa penyeliaan” ertinya pihak berkuasa, badan atau agensi yang bertanggungjawab bagi penyeliaan dan pengawasan penanggung insurans yang ditetapkan atau penanggung insurans Labuan.

Perniagaan insurans MAT di bawah Peraturan-Peraturan

3. (1) Suatu penanggung insurans yang ditetapkan tidak boleh menjalankan perniagaan untuk memberikan insurans MAT, sebagai prinsipal dan sebagai suatu penanggung insurans, kepada orang di Malaysia dari luar Malaysia, melainkan jika penanggung insurans yang ditetapkan itu—

(a) merupakan penanggung insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 4; dan

(b) tidak mempunyai apa-apa kehadiran perdagangan di Malaysia bagi maksud menjalankan perniagaan itu.

(2) Penanggung insurans Labuan tidak boleh menjalankan perniagaan insurans berkenaan dengan insurans MAT di Malaysia melainkan jika penanggung insurans Labuan itu—

- (a) dikecualikan di bawah seksyen 199 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 daripada pemakaian subseksyen 113(1) Akta itu dengan perniagaan insurans domestik; dan
- (b) merupakan penanggung insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 4.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

Kelulusan oleh Bank

4. (1) Penanggung insurans yang ditetapkan atau penanggung insurans Labuan boleh memohon secara bertulis kepada Bank untuk menjadi penanggung insurans MAT yang diluluskan, dan hendaklah mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, termasuk—

- (a) kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa penyeliaannya untuk menjalankan perniagaan sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan; dan
- (b) aku janji bahawa ia akan menganggap liabilitinya kepada pemunya polisi yang berakibat daripada perniagaan itu pada takat yang sama dengan liabiliti yang serupa di negara yang ditetapkan yang ia dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya, atau di Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Dalam menilai suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1), Bank boleh mengambil kira apa-apa faktor yang difikirkan oleh Bank berkaitan dan Bank boleh—

- (a) meluluskan pemohon itu sebagai suatu penanggung insurans MAT yang diluluskan, dengan atau tanpa syarat; atau
- (b) menolak permohonan itu.

(3) Jika Bank meluluskan permohonan di bawah perenggan (2)(a), penanggung insurans yang diluluskan itu hendaklah memulakan perniagaan sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan dalam tempoh yang dinyatakan dalam kelulusan itu atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan oleh Bank, dan hendaklah memberitahu Bank tarikh memulakan perniagaan itu.

(4) Setelah diluluskan di bawah perenggan (2)(a), penanggung insurans MAT yang diluluskan yang merupakan penanggung insurans yang ditetapkan hendaklah memberi kuasa kepada ejen tempatan di Malaysia untuk menerima penyampaian apa-apa notis dan proses undang-undang berkenaan dengan, dan berkaitan dengan perniagaannya itu, termasuk apa-apa notis atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank, dan mengemukakan kepada Bank nama, alamat dan perincian lain ejen yang diberi kuasa itu yang ditentukan oleh Bank.

Syarat kelulusan tambahan

5. (1) Bank boleh, pada bila-bila masa secara bertulis, meminda atau membatalkan apa-apa syarat kelulusan sedia ada yang dikenakan di bawah perenggan 4(2)(a) atau mengenakan apa-apa syarat baharu ke atas kelulusan itu.

(2) Penanggung insurans MAT yang diluluskan hendaklah mematuhi apa-apa syarat kelulusan yang dikenakan oleh Bank di bawah subperaturan (1), atau perenggan 4(2)(a) atau 6(3)(b).

Pembatalan kelulusan

6. (1) Bank boleh membatalkan kelulusan yang diberikan kepada penanggung insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 4 sekiranya—

- (a) penanggung insurans MAT yang diluluskan itu tidak memulakan perniagaan penanggung insurans MAT dalam tempoh yang dinyatakan dalam kelulusan yang disebut dalam perenggan 4(2)(a), atau selepas memulakan perniagaan itu, penanggung insurans MAT yang diluluskan tidak membuat apa-apa kontrak insurans MAT dalam tempoh dua puluh empat bulan dari tarikh memulakan perniagaannya;
- (b) penanggung insurans MAT yang diluluskan itu telah terhenti dari menjalankan perniagaan sebagai suatu penanggung insurans MAT yang diluluskan;
- (c) penanggung insurans MAT yang diluluskan itu telah terhenti dari dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya sebagai penanggung insurans oleh pihak berkuasa penyeliaannya;
- (d) penanggung insurans MAT yang diluluskan itu telah melanggar atau memungkirkan mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini, atau gagal mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan atau apa-apa arahan yang diberikan oleh Bank di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini, tidak kira sama ada terdapat apa-apa pendakwaan atau tindakan lain yang lain diambil oleh Bank berkenaan dengan pelanggaran, kemungkiran atau ketidakpatuhan itu;
- (e) penanggung insurans MAT yang diluluskan itu telah mengemukakan maklumat palsu, mengelirukan, tidak tepat atau tidak lengkap dalam permohonannya untuk kelulusan di bawah subperaturan 4(1);
- (f) penanggung insurans MAT yang diluluskan itu tidak berkeupayaan untuk memenuhi obligasinya, sama ada di Malaysia atau tempat lain;

- (g) penanggung insurans MAT yang diluluskan itu—
 - (i) telah dilikuidasikan; atau
 - (ii) telah digulung atau dibubarkan selainnya;
- (h) seorang penerima, penerima dan pengurus, pengurus kehakiman, atau mana-mana orang lain yang mempunyai kuasa dan kewajipan sebagai seorang penerima, penerima dan pengurus atau pengurus kehakiman, telah dilantik, sama ada di Malaysia atau tempat lain, berhubung dengan, atau berkenaan dengan apa-apa harta, penanggung insurans MAT yang diluluskan itu;
- (i) pada pendapat Bank, penanggung insurans MAT yang diluluskan itu sedang melakukan atau akan melakukan suatu perbuatan, atau sedang menuruti atau akan menuruti apa-apa perjalanan pelakuan, yang tidak selamat atau tidak wajar atau telah gagal untuk melakukan suatu perbuatan atau menuruti perjalanan pelakuan yang perlu untuk mengekalkan keselamatan dan kekukuhan penanggung insurans MAT yang diluluskan itu, sama ada di Malaysia atau tempat lain;
- (j) milikan harta penanggung insuran MAT yang diluluskan itu telah diambil oleh atau bagi pihak pemegang debentur menurut suatu gadaian atas harta itu, sama ada di Malaysia atau tempat lain;
- (k) pada pendapat Bank, penanggung insurans MAT yang diluluskan itu sedang menjalankan perniagaan dengan cara yang memudaratkan pemunya polisi atau pemunya polisi yang diniatkan, sama ada di Malaysia atau tempat lain; atau
- (l) pada pendapat Bank, adalah demi kepentingan orang awam untuk berbuat sedemikian.

(2) Bank hendaklah, sebelum membatalkan kelulusan di bawah subperaturan (1)—

- (a) melalui notis secara bertulis memberitahu niat Bank untuk membatalkan kelulusan penanggung insurans MAT yang diluluskan itu dan alasan bagi pembatalan itu; dan
- (b) memberikan peluang kepada penanggung insurans MAT yang diluluskan itu membuat representasi bertulis kepada Bank sebab kelulusannya tidak harus dibatalkan dan menyatakan tempoh yang representasi bertulis itu boleh dibuat.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam perenggan (2)(b) dan selepas mempertimbangkan apa-apa representasi bertulis yang dibuat di bawah perenggan itu, jika ada, Bank hendaklah memutuskan sama ada untuk—

- (a) meneruskan untuk membatalkan kelulusan itu;
- (b) mengambil apa-apa tindakan lain, termasuk mengenakan apa-apa syarat atau sekatan atas kelulusan itu; atau
- (c) tidak mengambil tindakan selanjutnya.

(4) Jika Bank memutuskan untuk membatalkan kelulusan di bawah perenggan 3(a)—

- (a) Bank hendaklah memberi penanggung insurans MAT yang diluluskan itu notis bertulis mengenai keputusan yang berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu;
- (b) penanggung insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah serta-merta terhenti daripada menjalankan perniagaan sebagai

penanggung insurans MAT yang diluluskan pada tarikh yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam perenggan 4(a); dan

- (c) Bank boleh menyiarkan suatu notis pembatalan kelulusan dalam apa-apa bentuk sebagaimana difikirkan sesuai oleh Bank.

Pemberhentian perniagaan secara sukarela

7. (1) Penanggung insurans MAT yang diluluskan boleh berhenti menjalankan perniagaan sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Bank menyatakan niatnya untuk berhenti menjalankan perniagaan itu dan sebab bagi pemberhentian itu.

(2) Notis bertulis yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah diberikan oleh penanggung insurans MAT yang diluluskan kepada Bank sekurang-kurangnya sembilan puluh hari sebelum ia berniat untuk menghentikan perniagaan itu.

(3) Penanggung insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah serta-merta berhenti menjalankan perniagaan pada tarikh yang ia berniat untuk menghentikan perniagaan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis yang disebut dalam subperaturan (1).

(4) Bank boleh menyiarkan suatu notis pemberhentian perniagaan berkenaan dengan penanggung insurans MAT yang diluluskan yang disebut dalam subperaturan (1) dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank.

Kesan pembatalan atau pemberhentian

8. (1) Penanggung insurans MAT yang diluluskan yang kelulusannya telah dibatalkan di bawah peraturan 6 atau yang telah secara sukarela terhenti menjalankan perniagaan sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 7 hendaklah terus tertakluk kepada Akta dan Peraturan-Peraturan ini pada takat yang sama sebagaimana sebelum kelulusannya dibatalkan atau memberhentikan perniagaannya secara sukarela, dan hendaklah terus menunaikan obligasinya, atau membuat perkiraan yang mencukupi untuk menunaikan obligasinya, selagi obligasi itu

belum selesai atau belum ditunaikan atau tidak diperuntukkan selainnya hingga Bank berpuas hati.

(2) Pembatalan kelulusan di bawah peraturan 6 atau pemberhentian perniagaan secara sukarela di bawah peraturan 7 tidak boleh berfungsi untuk—

- (a) mengelak atau menjejaskan mana-mana perjanjian, perkiraan atau transaksi yang dibuat di antara mana-mana orang dan penanggung insurans sepanjang tempoh ia menjadi penanggung insurans MAT yang diluluskan; atau
- (b) menjejaskan apa-apa hak, kewajipan atau liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana perjanjian, perkiraan atau transaksi itu.

Fi tahunan

9. (1) Suatu penanggung insurans MAT yang diluluskan hendaklah membayar fi tahunan sebanyak sepuluh ribu ringgit kepada Bank pada atau sebelum 15 Disember setiap tahun.

(2) Bank boleh mengecualikan, secara menyeluruh atau sebahagian, mana-mana penanggung insurans MAT yang diluluskan daripada pembayaran fi tahunan di bawah subperaturan (1).

Pendedahan oleh penanggung insurans MAT yang diluluskan

10. (1) Penanggung insurans MAT yang diluluskan tidak boleh mempelawa mana-mana orang di Malaysia untuk membuat suatu tawaran atau cadangan untuk membuat suatu kontrak insurans tanpa mendedahkan kepada orang itu semua maklumat material termasuk—

- (a) nama perniagaan, alamat perniagaan, laman sesawang (jika ada), alamat e-mel dan nombor telefonnya;

- (b) fakta bahawa penanggung insurans MAT yang diluluskan itu tidak dilesenkan di bawah subseksyen 10(4) Akta untuk menjalankan perniagaan insurans, tetapi hanya diluluskan oleh Bank untuk menjalankan perniagaan sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan di bawah Peraturan-Peraturan ini, dengan pengawasan terhad oleh Bank;
- (c) fakta bahawa penanggung insurans MAT yang diluluskan itu menjalankan perniagaan sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan dari luar Malaysia dan tidak mempunyai apa-apa kehadiran perdagangan di Malaysia;
- (d) fakta bahawa pemunya polisi tidak dilindungi oleh Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*];
- (e) fakta bahawa apa-apa aduan boleh ditujukan kepada penanggung insurans MAT yang diluluskan itu; dan
- (f) apa-apa maklumat lain yang ditentukan oleh Bank.

(2) Perenggan (1)(c) tidak terpakai bagi suatu penanggung insurans MAT yang diluluskan yang merupakan suatu penanggung insurans Labuan.

Perubahan yang memberi kesan terhadap kawalan

11. Suatu penanggung insurans yang diluluskan hendaklah dengan serta-merta—

- (a) memberitahu Bank mengenai apa-apa perubahan kawalan ke atasnya; dan
- (b) mengemukakan kepada Bank kelulusan pihak berkuasa penyeliaannya mengenai perubahan itu.

Pemindahan perniagaan insurans MAT

12. (1) Penanggung insurans MAT yang diluluskan tidak boleh membuat apa-apa perjanjian atau perkiraan untuk memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan insurans MAT yang dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan ini tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Bank.

(2) Penanggung insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Bank berkenaan dengan bentuk atau cara apa-apa pemindahan di bawah subperaturan (1).

Pengemukaan diri sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan

13. (1) Tiada seorang pun boleh mengemukakan dirinya sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan melainkan jika orang itu diluluskan di bawah peraturan 4.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

Sekatan penggunaan perkataan “penanggung insurans MAT yang diluluskan”

14. (1) Tiada seorang pun, melainkan jika ia diluluskan di bawah peraturan 4, boleh—

(a) dalam nama, perihalan atau gelarannya yang di bawahnya orang itu menjalankan perniagaan atau melakukan perniagaannya, menggunakan perkataan “penanggung insurans MAT yang diluluskan” atau apa-apa terbitan perkataan itu dalam apa-apa bahasa atau apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan penjalanan perniagaan sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan; atau

(b) membuat apa-apa representasi yang mempunyai kesan tersebut dalam apa-apa dokumen yang berhubungan dengan perniagaannya atau

dokumen yang digunakan dalam perjalanan perniagaannya atau dalam apa-apa cara lain walau apa jua.

(2) Penanggung insurans MAT yang diluluskan hanya boleh menggunakan perkataan “penanggung insurans MAT yang diluluskan” untuk menunjukkan bahawa ia menjalankan perniagaan sebagai penanggung insurans MAT yang diluluskan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit.

Kuasa Bank untuk mengeluarkan arahan

15. (1) Bank boleh mengeluarkan apa-apa arahan kepada penanggung insurans MAT yang diluluskan sekiranya Bank berpendapat adalah perlu untuk melindungi kepentingan pemunya polisi atau orang awam secara am, dan khususnya, boleh menghendaki penanggung insurans yang diluluskan itu, untuk berhenti atau menahan daripada melakukan suatu perbuatan atau menuruti perjalanan pelakuan atau melakukan apa-apa perbuatan, berhubung dengan perniagaan yang dijalankan sebagai suatu penanggung insurans MAT yang diluluskan, dan apa-apa hal ehwal atau harta yang berkaitan dengan perniagaan itu.

(2) Bank boleh, selepas representasi yang dibuat kepadanya atau atas usulnya sendiri, mengubah suai atau membatalkan apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) dan, dalam berbuat sedemikian, boleh mengenakan syarat ke atas penanggung insurans MAT yang diluluskan itu.

(3) Penanggung insurans MAT yang diluluskan hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Bank di bawah subperaturan (1) atau (2), atau apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subperaturan (2).

Kewajipan untuk mengemukakan dokumen atau maklumat kepada Bank

16. (1) Penanggung insurans MAT yang diluluskan hendaklah mengemukakan kepada Bank apa-apa dokumen atau maklumat, termasuk apa-apa dokumen atau maklumat berhubung dengan perniagaan yang dijalankan olehnya sebagai penanggung

insurans MAT yang diluluskan, dalam apa-apa bentuk dan cara, dan dalam apa-apa masa, yang ditentukan oleh Bank.

(2) Penanggung insurans MAT yang diluluskan yang dikehendaki untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat di bawah subperaturan (1) tidak boleh mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat—

- (a) yang penanggung insurans MAT yang diluluskan itu mengetahui, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, adalah palsu atau mengelirukan dalam butir material; atau
- (b) yang tidak tepat atau tidak lengkap berkenaan dengan kesalahan atau peninggalan material, atau apa-apa kesalahan atau peninggalan berulang.

(3) Mana-mana penanggung insurans MAT yang diluluskan yang melanggar perenggan (2)(a) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit.

Penyata dan audit

17. (1) Penanggung insurans MAT yang diluluskan hendaklah, dalam tempoh tiga bulan dari berakhirnya akhir setiap tahun kewangan atau dalam tempoh lebih panjang yang dibenarkan oleh Bank, menyediakan dan menyerahkan simpan dengan Bank—

- (a) suatu penyata dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Bank dengan memberikan butir-butir perniagaan insurans MAT yang diuruskan bagi tahun kewangan itu di bawah Peraturan-Peraturan ini; dan
- (b) penyata kewangan tahunan yang diaudit bagi tahun kewangan itu dan pendapat juruaudit ke atas penyata kewangan itu, sebagaimana yang dikemukakan kepada pihak berkuasa penyeliaannya.

(2) Penyata yang disebut dalam perenggan (1)(a) hendaklah berasaskan kepada penyata kewangan tahunan yang diaudit bagi penanggung insurans MAT yang diluluskan itu berkenaan dengan tahun kewangan yang sama.

(3) Jika suatu penyata kewangan yang diaudit adalah dalam bahasa selain bahasa Inggeris, salinan yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan hendaklah diperakukan sebagai terjemahan sebenar daripada yang asal oleh penterjemah.

(4) Semua salinan dokumen yang diserahkan simpan dengan Bank di bawah peraturan ini hendaklah ditandatangani oleh seorang pengarah dan ketua pegawai eksekutif penanggung insurans MAT yang diluluskan itu.

JADUAL

NEGARA-NEGARA YANG DITETAPKAN

Negara-Negara Anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara yang merupakan penandatangan kepada Protokol Bagi Melaksanakan Pakej Ketujuh Komitmen Perkhidmatan Kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja Megenai Perkhidmatan ASEAN bertarikh 23 Jun 2016

Dibuat 4 April 2017

[KK/SID/(S)/9/437/1/2012(SK.2); PN(PU2)718/V]

DATUK SERI JOHARI ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (APPROVED MARINE, AVIATION AND TRANSIT INSURERS)
REGULATIONS 2017

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. MAT insurance business under Regulations
4. Approval by Bank
5. Additional conditions of approval
6. Revocation of approval
7. Voluntary cessation of business
8. Effect of revocation or cessation
9. Annual fee
10. Disclosure by approved MAT insurer
11. Changes affecting control
12. Transfer of MAT insurance business
13. Holding out as an approved MAT insurer
14. Restriction on use of words “approved MAT insurer”
15. Power of Bank to issue directions
16. Duty to submit document or information to Bank
17. Returns and audit

SCHEDULE

FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (APPROVED MARINE, AVIATION AND TRANSIT INSURERS)
REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by subsection 260(2) of the Financial Services Act 2013 [*Act 758*], the Minister, on the recommendation of the Bank, makes the following Regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Financial Services (Approved Marine, Aviation and Transit Insurers) Regulations 2017**.

(2) These Regulations come into operation on 7 April 2017.

Interpretation

2. In these Regulations—

“approved MAT insurer” means a designated insurer or a Labuan insurer approved under paragraph 4(2)(a);

“designated country” means a country or territory specified in the Schedule;

“designated insurer” means any person licensed, approved, registered or otherwise regulated under the law of any designated country to carry on insurance business in that country;

“Labuan insurer” has the same meaning assigned to it in section 101 of the Labuan Financial Services and Securities Act 2010 [*Act 704*];

“Malaysia” excludes the Federal Territory of Labuan;

“MAT insurance” means the insurance of risks relating to—

(a) maritime shipping, commercial aviation, space launching and freight (including satellites), which covers any or all of the following:

(i) the goods being transported; and

(ii) the vehicle transporting the goods, and any liability arising therefrom; and

(b) goods in international transit,

but does not include the reinsurance of such risks;

“supervisory authority” means the authority, body or agency who is responsible for the supervision and oversight of a designated insurer or a Labuan insurer.

MAT insurance business under Regulations

3. (1) A designated insurer shall not carry on the business of providing MAT insurance, as principal and as an insurer, to persons in Malaysia from outside Malaysia, unless the designated insurer—

(a) is an approved MAT insurer under regulation 4; and

(b) has no commercial presence in Malaysia for the purpose of carrying on such business.

(2) A Labuan insurer shall not carry on insurance business in respect of MAT insurance in Malaysia unless the Labuan insurer—

(a) is exempted under section 199 of the Labuan Financial Services and Securities Act 2010 from the application of subsection 113(1) of that Act in respect of domestic insurance business; and

(b) is an approved MAT insurer under regulation 4.

(3) Any person who contravenes subregulation (1) or (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten million ringgit.

Approval by Bank

4. (1) A designated insurer or Labuan insurer may apply in writing to the Bank to be an approved MAT insurer, and shall submit such documents or information specified by the Bank, including—

(a) the written consent of its supervisory authority for it to carry on business as an approved MAT insurer; and

(b) an undertaking that it shall treat its liabilities to policy owners arising from such business to the same extent as similar liabilities in the designated country in which it is licensed, approved, registered or otherwise regulated, or in Labuan, as the case may be.

(2) In assessing an application made under subregulation (1), the Bank may have regard to such factors that the Bank considers relevant and the Bank may—

(a) approve the applicant as an approved MAT insurer, with or without conditions; or

(b) reject the application.

(3) Where the Bank approves the application under paragraph (2)(a), the approved MAT insurer shall commence business as an approved MAT insurer within the period stated in the approval or such further period extended by the Bank, and shall notify the Bank the date of commencement of such business.

(4) Upon being approved under paragraph (2)(a), the approved MAT insurer who is a designated insurer shall authorize a resident agent in Malaysia to accept

service of any notice and legal process in respect of, and connected to its business as such, including any notice or direction issued by the Bank, and submit to the Bank the authorized agent's name, address and other details specified by the Bank.

Additional conditions of approval

5. (1) The Bank may at any time in writing, amend or revoke any existing condition of approval imposed under paragraph 4(2)(a) or impose any new condition on the approval.

(2) The approved MAT insurer shall comply with any condition of approval imposed by the Bank under subregulation (1), or paragraph 4(2)(a) or 6(3)(b).

Revocation of approval

6. (1) The Bank may revoke the approval granted to the approved MAT insurer under regulation 4 if—

- (a) the approved MAT insurer has not commenced its MAT insurance business within the period stated in the approval referred to in paragraph 4(2)(a), or after having commenced such business, the approved MAT insurer has failed to enter into any MAT insurance contracts within twenty-four months from the date of commencement of its business;
- (b) the approved MAT insurer has ceased to carry on business as an approved MAT insurer;
- (c) the approved MAT insurer has ceased to be licensed, approved, registered or otherwise regulated as an insurer by its supervisory authority;
- (d) the approved MAT insurer has contravened or breached any provision of the Act or these Regulations, or has failed to comply with any condition imposed or any direction given by the Bank under the Act or

these Regulations, regardless of whether there has been any prosecution or other action taken by the Bank in respect of such contravention, breach or non-compliance;

- (e) the approved MAT insurer has submitted false, misleading, inaccurate or incomplete information in its application for approval under subregulation 4(1);
- (f) the approved MAT insurer is unable to meet its obligations, whether in Malaysia or elsewhere;
- (g) the approved MAT insurer—
 - (i) has gone into liquidation; or
 - (ii) has been wound up or otherwise dissolved;
- (h) a receiver, receiver and manager, judicial manager, or such other person having the powers and duties of a receiver, receiver and manager or judicial manager, has been appointed, whether in Malaysia or elsewhere, in relation to, or in respect of any property of, the approved MAT insurer;
- (i) in the opinion of the Bank, the approved MAT insurer is committing or is about to commit an act, or is pursuing or is about to pursue any course of conduct, that is unsafe or unsound or has failed to commit an act or pursue a course of conduct that is necessary to maintain the safety and soundness of the approved MAT insurer, whether in Malaysia or elsewhere;
- (j) possession of the property of the approved MAT insurer has been taken by or on behalf of a debenture holder pursuant to a charge on the property, whether in Malaysia or elsewhere;

- (k) in the opinion of the Bank, the approved MAT insurer is carrying on its business in a manner detrimental to policy owners or intended policy owners, whether in Malaysia or elsewhere; or
- (l) in the opinion of the Bank, it is in the interest of the public to do so.
- (2) The Bank shall, before revoking the approval under subregulation (1)—
- (a) by notice in writing notify the Bank’s intention to revoke the approval of the approved MAT insurer and the grounds for such revocation; and
- (b) give an opportunity to the approved MAT insurer to make a written representation to the Bank as to why its approval should not be revoked and specify the period within which such written representation may be made.
- (3) After the expiry of the period stated in the notice referred to in paragraph (2)(b) and after considering any written representation made under that paragraph, if any, the Bank shall decide whether to—
- (a) proceed to revoke the approval;
- (b) take other action, including imposing any condition or restriction on the approval; or
- (c) take no further action.
- (4) Where the Bank decides to revoke the approval under paragraph 3(a)—
- (a) the Bank shall furnish the approved MAT insurer a written notice of the decision which shall take effect from the date specified in the notice;

- (b) the approved MAT insurer shall immediately cease to carry on business as an approved MAT insurer on the date specified in the notice referred to in paragraph (4)(a); and
- (c) the Bank may publish a notice of such revocation of approval in such form as the Bank deems appropriate.

Voluntary cessation of business

7. (1) An approved MAT insurer may cease to carry on business as an approved MAT insurer by giving prior written notice to the Bank stating its intention to cease carrying on such business and the reasons for such cessation.

(2) A written notice referred to in subregulation (1) shall be given by the approved MAT insurer to the Bank at least ninety days before it intends to cease such business.

(3) The approved MAT insurer shall immediately cease carrying on such business on the date it intends to cease the business as stated in the written notice referred to in subregulation (1).

(4) The Bank may publish a notice of cessation of business in respect of the approved MAT insurer referred to in subregulation (1) in such form as the Bank deems appropriate.

Effect of revocation or cessation

8. (1) The approved MAT insurer whose approval has been revoked under regulation 6 or who has voluntarily ceased to carry on business as an approved MAT insurer under regulation 7 shall continue to be subject to the Act and these Regulations to the same extent as it did before its approval was revoked or it voluntarily ceased business, and shall continue to discharge its obligations, or make adequate arrangements to discharge its obligations, as long as those obligations remain unsatisfied or undischarged or not otherwise provided for to the satisfaction of the Bank.

(2) A revocation of approval under regulation 6 or voluntary cessation of business under regulation 7 shall not operate so as to—

- (a) avoid or affect any agreement, arrangement or transaction entered into between any person and the insurer during the period that it was an approved MAT insurer; or
- (b) affect any right, obligation or liability arising under any such agreement, arrangement or transaction.

Annual fee

9. (1) An approved MAT insurer shall pay an annual fee of ten thousand ringgit to the Bank on or before 15 December of each year.

(2) The Bank may exempt, wholly or in part, any approved MAT insurer from the payment of annual fee under subregulation (1).

Disclosure by approved MAT insurer

10. (1) An approved MAT insurer shall not invite any person in Malaysia to make an offer or a proposal to enter into a contract of insurance without disclosing to the person all material information including—

- (a) its business name, business address, website (if any), e-mail address and telephone number;
- (b) the fact that such approved MAT insurer is not licensed under subsection 10(4) of the Act to carry on insurance business, but only approved by the Bank to carry on business as an approved MAT insurer under these Regulations, with limited oversight by the Bank;
- (c) the fact that such approved MAT insurer is carrying on business as an approved MAT insurer from outside Malaysia and has no commercial presence in Malaysia;

- (d) the fact that policy owners are not protected by the Takaful and Insurance Benefits Protection System under the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [Act 720];
- (e) the fact that any complaints may be directed to the approved MAT insurer; and
- (f) any other information specified by the Bank.

(2) Paragraph (1)(c) shall not be applicable to an approved MAT insurer who is a Labuan insurer.

Changes affecting control

11. An approved MAT insurer shall immediately—

- (a) notify the Bank of any change in its control; and
- (b) submit to the Bank its supervisory authority's approval for the change.

Transfer of MAT insurance business

12. (1) An approved MAT insurer shall not enter into an agreement or arrangement to transfer the whole or any part of its MAT insurance business carried on under these Regulations without the prior written approval of the Bank.

(2) The approved MAT insurer shall comply with any directions issued by the Bank in respect of the form and manner of any transfer under subregulation (1).

Holding out as approved MAT insurer

13. (1) No person shall hold himself out to be an approved MAT insurer unless such person is approved under regulation 4.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten million ringgit.

Restriction on use of words “approved MAT insurer”

14. (1) No person, unless it is approved under regulation 4, shall—

- (a) in its name, description or title under which such person carries on business or in the conduct of its business, use the words “approved MAT insurer” or any derivative of the words in any language or any other words in any language capable of being construed as indicating the carrying on of business as an approved MAT insurance insurer; or
- (b) make any representation of such effect in any document relating to its business or document used in the course of carrying on its business or in any other manner whatsoever.

(2) An approved MAT insurer shall only use the words “approved MAT insurer” to indicate that it carries on business as an approved MAT insurer.

(3) Any person who contravenes subregulation (1) or (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five million ringgit.

Power of Bank to issue directions

15. (1) The Bank may issue such directions to the approved MAT insurer if the Bank is of the opinion that it is necessary to protect the interests of policy owners or the public generally, and in particular, may require the approved MAT insurer, to cease or refrain from committing an act or pursuing a course of conduct or to do any act, in relation to its business which it carries on as an approved MAT insurer, and any affairs or property related to such business.

(2) The Bank may, upon representation being made to it, or on its own motion, modify or cancel any direction issued under subregulation (1) and, in doing so, may impose conditions on the approved MAT insurer.

(3) The approved MAT insurer shall comply with any direction issued by the Bank under subregulation (1) or (2), or any condition imposed under subregulation (2).

Duty to submit document or information to Bank

16. (1) An approved MAT insurer shall submit to the Bank such document or information, including any document or information relating to the business it carries on as an approved MAT insurer, in such form and manner, and within such time, specified by the Bank.

(2) An approved MAT insurer who is required to submit any document or information under subregulation (1) shall not submit any document or information—

(a) which the approved MAT insurer knows, or has reason to believe, to be false or misleading in a material particular; or

(b) which is inaccurate or incomplete in respect of which there is a material error or omission, or any recurring error or omission.

(3) Any approved MAT insurer who contravenes paragraph (2)(a) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five million ringgit.

Returns and audit

17. (1) An approved MAT insurer shall, within three months from the end of each financial year or within such longer period as the Bank may allow, prepare and lodge with the Bank—

(a) a statement in such form and manner specified by the Bank giving particulars of the MAT insurance business carried on during that financial year under these Regulations; and

(b) its annual audited financial statements for that financial year and the auditor's opinion on the financial statements, as submitted to its supervisory authority.

(2) The statement referred to in paragraph (1)(a) shall be based on the annual audited financial statements of the approved MAT insurer with respect to that same financial year.

(3) Where any audited financial statement is in a language other than English, the copy required under subregulation (1) shall be translated in English and shall be certified to be a true translation of the original by a translator.

(4) All copies of the documents lodged with the Bank under this regulation shall be signed by a director and the chief executive officer of the approved MAT insurer.

SCHEDULE

DESIGNATED COUNTRIES

Member States of the Association of Southeast Asian Nations which are signatories to the Protocol to Implement the Seventh Package of Commitments on Financial Services under the ASEAN Framework Agreement on Services dated 23 June 2016

Made 4 April 2017

[KK/SID/(S)/9/437/1/2012(SK.2); PN(PU2)718/V]

DATUK SERI JOHARI ABDUL GHANI
Second Minister of Finance



6 April 2017
6 April 2017
P.U. (A) 112

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (BROKER INSURANS MARIN, PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN) 2017

FINANCIAL SERVICES (APPROVED MARINE, AVIATION AND TRANSIT INSURANCE BROKERS) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (BROKER INSURANS MARIN,
PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN) 2017

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Perniagaan pembrokeran insurans MAT di bawah Peraturan-Peraturan
4. Kelulusan oleh Bank
5. Syarat kelulusan tambahan
6. Pembatalan kelulusan
7. Pemberhentian perniagaan secara sukarela
8. Kesan pembatalan atau pemberhentian
9. Fi tahunan
10. Pendedahan oleh broker insurans MAT yang diluluskan
11. Akaun premium pembrokeran insurans MAT
12. Rundingan dan penempatan risiko
13. Pengemukaan diri sebagai broker insurans MAT yang diluluskan
14. Sekatan penggunaan perkataan “broker insurans MAT yang diluluskan”
15. Kuasa Bank untuk mengeluarkan arahan
16. Kewajipan untuk mengemukakan dokumen atau maklumat kepada Bank
17. Perakuan wang yang diterima, dsb.
18. Pembatalan
19. Kecualian berkenaan dengan kelulusan yang diberikan di bawah
Peraturan- Peraturan yang dibatalkan

JADUAL

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (BROKER INSURANS MARIN,
PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 260(2) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Broker Insurans Marin, Penerbangan dan Transit yang Diluluskan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 7 April 2017.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“broker insurans Labuan” mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 101 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*];

“broker insurans MAT yang diluluskan” ertinya broker insurans yang ditetapkan atau broker insurans Labuan yang diluluskan di bawah peraturan 4;

“broker insurans yang ditetapkan” ertinya seseorang yang dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya di bawah undang-undang mana-mana negara yang ditetapkan untuk menjalankan perniagaan pembrokeran insurans di negara tersebut;

“insurans MAT” mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Penanggung Insurans Marin, Penerbangan dan Transit yang Diluluskan) 2017 [*P.U. (A) 111/2017*];

“Malaysia” tidak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan;

“negara yang ditetapkan” ertinya sebuah negara atau wilayah yang dinyatakan dalam Jadual;

“penanggung insurans Labuan” mempunyai pengertian yang sama diberikan kepadanya dalam seksyen 101 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010;

“penanggung insurans yang ditetapkan” mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Penanggung Insurans Marin, Penerbangan dan Transit yang Diluluskan) 2017;

“Peraturan-Peraturan yang dibatalkan” ertinya Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Broker Insurans Marin, Penerbangan dan Transit Antarabangsa yang Diluluskan) 2012 [*P.U. (A) 169/2012*]; dan

“pihak berkuasa penyeliaan” ertinya pihak berkuasa, badan atau agensi yang bertanggungjawab bagi penyeliaan dan pengawasan broker insurans yang ditetapkan atau broker insurans Labuan.

Perniagaan pembrokeran insurans MAT di bawah Peraturan-Peraturan

3. (1) Broker insurans yang ditetapkan tidak boleh menjalankan perniagaan untuk memberikan insurans MAT sebagai broker insurans, kepada orang di Malaysia dari luar Malaysia melainkan jika broker insurans yang ditetapkan itu—

(a) merupakan broker insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 4; dan

(b) tidak mempunyai apa-apa kehadiran perdagangan di Malaysia bagi maksud menjalankan perniagaan itu.

(2) Broker insurans Labuan tidak boleh menjalankan perniagaan pembrokeran insurans berkenaan dengan insurans MAT di Malaysia melainkan jika broker insurans Labuan itu—

(a) dikecualikan di bawah seksyen 199 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 daripada pemakaian subseksyen 114(3) Akta itu berkenaan dengan perniagaan insurans domestik; dan

(b) merupakan broker insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 4.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

Kelulusan oleh Bank

4. (1) Broker insurans yang ditetapkan atau broker insurans Labuan boleh memohon secara bertulis kepada Bank untuk menjadi broker insurans MAT yang diluluskan, dan hendaklah mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, termasuk kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa penyeliaannya untuk ia menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan.

(2) Dalam menilai suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1), Bank boleh mengambil kira apa-apa faktor yang difikirkan oleh Bank berkaitan dan Bank boleh—

(a) tertakluk kepada subperaturan (3), meluluskan permohonan itu, dengan atau tanpa syarat; atau

(b) menolak permohonan itu.

(3) Bank tidak boleh meluluskan mana-mana permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) melainkan jika pemohon itu mempunyai—

- (a) modal berbayar sebanyak satu juta ringgit atau suatu jumlah bersamaan dalam mata wang negara yang ditetapkan di mana pemohon itu dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya; dan
- (b) polisi insurans tanggung rugi profesional yang berkuat kuasa, bersih selepas deduktibel, sebanyak sekurang-kurangnya satu juta ringgit atau suatu jumlah bersamaan dalam mata wang negara yang ditetapkan di mana pemohon itu dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya, berkenaan dengan perniagaan pembrokeran insuransnya.

(4) Jika Bank meluluskan permohonan di bawah perenggan (2)(a), broker insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah memulakan perniagaannya sebagai broker insurans MAT yang diluluskan dalam tempoh yang dinyatakan dalam kelulusan itu atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan oleh Bank, dan hendaklah memberitahu Bank tarikh memulakan perniagaan itu.

(5) Setelah diluluskan di bawah perenggan (2)(a), broker insurans MAT yang diluluskan yang merupakan broker insurans yang ditetapkan hendaklah memberikan kuasa kepada ejen tempatan di Malaysia untuk menerima penyampaian apa-apa notis dan proses undang-undang berkenaan dengan, dan berkaitan dengan perniagaannya itu, termasuk apa-apa notis atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank, dan mengemukakan kepada Bank nama, alamat dan perincian yang lain ejen yang diberi kuasa itu yang ditentukan oleh Bank.

(6) Broker insurans MAT yang diluluskan hendaklah pada setiap masa—

- (a) mengekalkan modal berbayar yang disebut dalam perenggan (3)(a); dan

- (b) mempunyai suatu polisi insurans tanggung rugi profesional yang berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (3)(b).

Syarat kelulusan tambahan

5. (1) Bank boleh pada bila-bila masa secara bertulis, meminda atau membatalkan apa-apa syarat kelulusan yang sedia ada yang dikenakan di bawah perenggan 4(2)(a) atau mengenakan apa-apa syarat baharu ke atas kelulusan itu.

(2) Broker insurans MAT yang diluluskan hendaklah mematuhi apa-apa syarat kelulusan yang dikenakan oleh Bank di bawah subperaturan (1), atau perenggan 4(2)(a) atau 6(3)(b).

Pembatalan kelulusan

6. (1) Bank boleh membatalkan kelulusan yang diberikan kepada broker insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 4 sekiranya—

- (a) broker insurans MAT yang diluluskan itu tidak memulakan perniagaannya sebagai broker insurans MAT yang diluluskan dalam tempoh yang dinyatakan dalam kelulusan yang disebut dalam perenggan 4(2)(a), atau selepas memulakan perniagaan itu, broker insurans MAT yang diluluskan telah gagal untuk membuat apa-apa kontrak pembrokeran insurans MAT dalam masa dua puluh empat bulan dari tarikh memulakan perniagaannya;
- (b) broker insurans MAT yang diluluskan itu telah terhenti daripada menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan;
